

30/08/2001

Dr M terima anugerah

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew akan menerima Anugerah Pencapaian Asean Alaf Baru pada majlis makan malam khas di Singapura, 10 September ini.

Kedua-dua pemimpin itu juga akan berucap pada majlis yang dianjurkan Forum Perniagaan Asean serta Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI).

Ketua Pegawai Eksekutif Asli, Datuk Dr Michael Yeoh, berkata bekas Presiden Singapura, Wee Kim Wee yang pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, akan menyampaikan anugerah itu.

Asli turut mengeluarkan penerbitan khas mengenai kejayaan kedua-dua pemimpin itu memodenkan Malaysia serta Singapura, yang akan diedarkan pada majlis berkenaan.

(END)